

Headline	Kempen Menanam 26 juta pokok lepassi sasaran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	04 Oct 2012	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	23	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	63 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 828
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,485



Kempen 'Menanam 26 juta pokok' lepassi sasaran

KUCHING 3 Okt. - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar berjaya menanam sebanyak 28.8 juta batang pokok di seluruh negara dalam tempoh kurang dua tahun.

Menterinya, Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata, jumlah itu merupakan kejayaan besar kerana melepasi sasaran kempen 'Menanam 26 juta pokok' yang dilancarkan pada April 2010.

"Jumlah 26 juta pokok itu mewakili anggaran 26 juta penduduk negara ini pada 2010 sekali gus menyasarkan nisbah satu pokok bagi setiap penduduk.

"Ia juga bersamaan dengan 200,000 tan karbon dioksida yang diserap oleh pokok yang telah ditanam itu," katanya dalam ucapan perasmian Seminar Perhutanan Bandar, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr. Mohd. Ali Mohamad Nor.

Turut hadir, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latiff Mohmod dan Datuk Bandar Kuching Utara, Datuk Abang Abdul Wahap Abang Julai.